



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**MANFAAT SKIM SAHAM
KEPADA PEKERJA
YANG MERENTAS SEMPADAN**

KETETAPAN UMUM NO. 12/2012

TARIKH KELUARAN: 24 DISEMBER 2012



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**MANFAAT SKIM SAHAM
KEPADA PEKERJA YANG
MERENTAS SEMPADAN**

**Ketetapan Umum No. 12/2012
Tarikh Keluaran: 24 Disember 2012**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 24 Disember 2012

Edisi pertama pada 24 Disember 2012

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbit semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



**MANFAAT SKIM SAHAM
KEPADA PEKERJA YANG
MERENTAS SEMPADAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2012
Tarikh Keluaran: 24 Disember 2012**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Berkaitan	1
3. Interpretasi	1
4. Layanan Cukai Ke Atas Manfaat Skim Saham Bagi Pekerja Yang Merentas Sempadan	3
5. Pekerja Dari Malaysia Dipinjamkan Bertugas Ke Luar Negara	6
6. Warganegara Asing Dipinjamkan Bertugas Di Malaysia	17
7. Pengecualian Daripada Cukai Pendapatan Malaysia	25
8. Tanggungjawab Pekerja (Kes Merentas Sempadan)	25
9. Tanggungjawab Majikan (Kes Merentas Sempadan)	25
10. Lampiran 1	27

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan ini adalah untuk menjelaskan layanan cukai berhubung dengan manfaat yang terbit daripada skim saham pekerja yang diterima oleh –

- (a) pekerja dari Malaysia yang dipinjamkan bertugas ke luar negara, dan
- (b) pekerja warganegara asing yang dipinjamkan bertugas di Malaysia.

2. Peruntukan Berkaitan

Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan adalah seksyen 4, 13, 25, subseksyen 25(1A) dan 32(1A), seksyen 77 dan 83.

3. Interpretasi

Perkataan yang diguna pakai dalam Ketetapan ini memberi maksud berikut:

3.1 “Dipinjamkan bertugas” bermaksud –

- (a) pekerja yang ditukarkan buat sementara waktu oleh majikan untuk melakukan kerja berkaitan di tempat lain; dan
- (b) selepas tamat tugas sementara tersebut, pekerja kembali semula kepada majikan yang sama untuk menyambung penggajiannya.

3.2 “Harga tawaran” adalah harga yang perlu dibayar oleh pekerja bagi setiap saham yang ditawarkan di bawah skim saham pekerja.

3.3 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian bermaksud –

- (a) tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
- (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.

3.4 “Nilai aset bersih” adalah nilai aset setelah ditolak liabiliti.

3.5 “Opsyen” adalah pemberian hak ke atas sejumlah saham oleh majikan kepada pekerja pada sesuatu harga tertentu untuk dilaksanakan pada masa hadapan.

3.6 “Pekerja” berhubung dengan sesuatu penggajian bermakna –

- (a) orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara orang suruhan dan tuan,

- (b) jika perhubungan di antara orang suruhan dan tuan tidak wujud, ianya adalah pemegang pelantikan atau jawatan yang menzahirkan penggajian itu.
- 3.7 “Penggajian” bermaksud –
- (a) penggajian, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan,
 - (b) mana-mana pelantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.8 “Perkuisit” bermaksud manfaat yang boleh ditukarkan kepada wang yang diterima oleh pekerja bukan sahaja daripada majikannya tetapi juga daripada pihak ketiga kerana mempunyai atau menjalankan sesuatu penggajian.
- 3.9 “Potongan Cukai Bulanan (PCB)” bermaksud potongan cukai pendapatan daripada saraan bulanan semasa pekerja yang dibuat mengikut Jadual Potongan Bulanan di bawah Kaedah 3, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994.
- 3.10 “Saham” bermaksud –
- (a) saham biasa berbayar dalam modal syarikat, dan
 - (b) saham perbendaharaan dalam syarikat itu sendiri, syarikat induk atau syarikat subsidiarinya.
- 3.11 “Saham Perbendaharaan” bermaksud saham syarikat yang sebelum ini dikeluarkan tetapi telah dibeli semula, ditebus atau sebaliknya yang diperolehi oleh syarikat itu dan tidak dibatalkan.
- 3.12 “Stok” bermaksud modal atau dana prinsipal yang diperolehi oleh syarikat melalui jualan saham.
- 3.13 “Tarikh opsyen ditawarkan” bermaksud tarikh di mana majikan menawarkan pekerja opsyen untuk memperoleh saham dalam syarikat, syarikat induk atau syarikat subsidiari.
- 3.14 “Tarikh boleh laksana” bermaksud tarikh pekerja boleh melaksanakan hak (yang telah diberi oleh majikan) untuk memperoleh saham syarikat.
- 3.15 “Tarikh laksana” bermaksud tarikh pekerja melaksanakan hak (yang telah diberi oleh majikan) untuk memperoleh saham syarikat.
- 3.16 “Terletak hak” bermaksud mempunyai hak mutlak ke atas saham.

4. Layanan Cukai Ke Atas Manfaat Skim Saham Bagi Pekerja Yang Merentas Sempadan

4.1 Klasifikasi manfaat skim saham

Pencukaian ke atas manfaat daripada skim saham mungkin berbeza antara satu negara dengan negara lain. Seperti kebanyakan negara amnya, Malaysia mengambil kira manfaat daripada skim saham pekerja sebagai pendapatan daripada penggajian. Oleh itu, manfaat daripada skim saham pekerja adalah dikelaskan sebagai pendapatan penggajian untuk tujuan perjanjian cukai di bawah Artikel Pendapatan Daripada Penggajian dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) yang disempurnakan oleh Malaysia.

4.2 Cukai dua kali

Pekerja dari Malaysia yang dipinjamkan bertugas ke luar negara atau warganegara luar yang dipinjamkan bertugas di Malaysia selepas menerima tawaran skim saham daripada majikan, mungkin dikenakan cukai atas manfaat daripada skim saham pekerja di lebih daripada satu negara.

Dalam kes di mana manfaat yang sama dicukai di Malaysia dan negara lain, kredit dua belah pihak boleh dibenarkan oleh negara bermastautin ke atas cukai asing yang dibayar dengan syarat wujud PPPDK di kedua-dua negara tersebut. Kredit dua belah pihak dibenarkan di Malaysia menurut seksyen 132 ACP 1967. Dalam kes di mana PPPDK antara Malaysia dan negara lain tidak wujud, relif sebelah pihak boleh dibenarkan di Malaysia ke atas cukai asing yang dibayar menurut seksyen 133 ACP 1967.

4.3 Pengenaan cukai atas manfaat skim saham

Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Artikel Pendapatan Daripada Penggajian dalam PPPDK berkenaan membenarkan sesebuah negara mengenakan cukai ke atas saraan yang berpunca daripada penggajian yang dijalankan di negara tersebut. Ini terpakai tanpa mengira bila pendapatan itu dibayar, dikredit atau sebenarnya diperolehi oleh pekerja. Oleh itu, pekerja boleh dikenakan cukai di Malaysia pada tarikh kemudiannya walaupun pekerja itu tidak lagi bekerja di Malaysia.

4.4 Skim saham

4.4.1 Skim saham biasa

Saham yang ditawarkan kepada pekerja boleh terdiri daripada saham dalam syarikat sendiri, saham dalam syarikat induk atau saham dalam syarikat subsidiari. Syarikat melaksanakan berbagai

cara untuk membolehkan pekerja menjadi pemegang saham. Pelaksanaan pemberian saham diberi nama yang berbeza namun ia membawa kepada *substance* yang sama. Selain daripada tawaran hak ke atas saham sebenar, majikan boleh juga menawarkan wang tunai yang bersamaan dengan nilai atau kenaikan dalam nilai saham tanpa membuat pindahan pemilikan saham. Ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Ketetapan Umum bertajuk Manfaat Skim Saham Pekerja.

4.4.2 Skim saham bersyarat

Majikan boleh memberi saham kepada pekerja dengan mengenakan syarat atau sekatan. Sebagai contoh, terdapat syarat di mana pekerja tidak boleh menjual saham tersebut untuk tempoh tertentu atau saham tersebut akan terbatal jika tahap prestasi yang ditetapkan tidak dicapai.

Dalam kes di mana saham ditawarkan kepada pekerja dengan syarat pekerja perlu berkhidmat dengan majikan yang sama atau syarikat dalam kumpulan yang sama untuk sesuatu tempoh masa yang ditetapkan, manfaat penggajian yang terbit daripada skim itu tidak patut dikaitkan dengan khidmat yang dilaksanakan selepas tempoh masa yang ditetapkan itu. Tempoh yang ditetapkan ini adalah tempoh terletakhak di mana pekerja perlu bekerja dengan majikan bagi melayakkan mereka untuk mendapat saham mereka dalam skim saham syarikat tersebut.

Contoh 1

Haikal telah ditawarkan skim saham bersyarat oleh majikan pada 1.3.2011. Haikal dikehendaki berkhidmat dengan syarikat untuk tempoh 3 tahun (1.3.2011 hingga 28.2.2014) sebelum boleh melaksanakan opsyen pada tarikh boleh laksana. Tempoh terletakhak skim saham bersyarat tersebut adalah dari 1.3.2011 hingga 28.2.2014.

Oleh kerana Haikal telah memenuhi keperluan melaksanakan haknya ke atas skim saham pada atau selepas tarikh boleh laksana iaitu 28.2.2014, manfaat skim saham itu berkait dengan tahun di mana Haikal melaksanakan opsyen. Jika Haikal memilih melaksanakan skim itu pada tahun 2014, Haikal akan dikenakan cukai atas manfaat daripada skim saham itu dalam tahun taksiran (TT) 2014.

4.4.3 Skim saham tanpa syarat

Sebaliknya, jika seseorang pekerja yang telah diberi skim saham tanpa syarat yang boleh dilaksanakan –

- (a) serta merta (terletak hak serta merta), atau
- (b) pada tarikh ditetapkan

dipinjamkan bertugas ke luar negara atau diberi tugas penting, skim tersebut jelas berkait dengan fungsi baru yang akan dilaksanakan oleh pekerja dalam tempoh yang ditetapkan pada masa akan datang. Dalam kes tersebut, skim saham adalah berkait dengan fungsi baru walaupun hak untuk melaksanakan skim itu diperoleh sebelum fungsi baru dilaksanakan. Manfaat skim saham adalah berkait dengan perkhidmatan yang diberikan dalam keseluruhan tempoh antara tarikh tawaran hingga tarikh boleh laksana skim saham.

4.4.4 Manfaat saham dicukai dalam tahun taksiran skim saham dilaksanakan

Menurut subseksyen 25(1A), ACP 1967, jika pekerja telah ditawarkan opsi untuk memperoleh saham (bersyarat atau tanpa syarat) dalam syarikat dipinjamkan untuk bertugas di luar negara, bahagian manfaat saham akan diambilkira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian dalam tahun taksiran di mana opsi skim saham dilaksanakan.

4.4.5 Formula

Manfaat skim saham dikira menurut subseksyen 32(1A), ACP 1967. Pengiraan amaun manfaat daripada skim saham yang diambil kira adalah seperti di bawah:

	RM
Nilai pasaran saham pada tarikh skim boleh laksana atau Nilai pasaran saham pada tarikh skim dilaksanakan yang mana rendah	XXX
Tolak: Harga yang dibayar untuk saham (jika ada)	<u>XXX</u>
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967	<u>XXX</u>

4.5 Pengagihan manfaat daripada skim saham jika penggajian dijalankan di lebih daripada satu negara

Di mana skim saham dianggap diperoleh daripada penggajian yang dijalankan di lebih daripada satu negara, adalah perlu untuk menentukan

bahagian skim saham yang berpunca daripada penggajian yang dijalankan di setiap negara. Dalam kes sedemikian, manfaat daripada skim saham hendaklah dianggap diperoleh dari Malaysia dalam kadar bilangan hari, termasuk hari cuti dalam tempoh penggajian dijalankan di Malaysia dan dibandingkan dengan jumlah bilangan hari bagi tempoh perkhidmatan penggajian dijalankan dari mana skim saham tersebut diperoleh. Formula adalah seperti berikut:

$$\begin{array}{r} \text{Manfaat skim saham} \\ \text{dari tarikh tawaran} \\ \text{hingga tarikh boleh} \\ \text{laksana} \end{array} \quad \times \quad \frac{\begin{array}{r} \text{Bilangan hari bekerja di Malaysia} \\ \text{(termasuk hari cuti)} \\ \text{dari tarikh tawaran hingga} \\ \text{tarikh boleh laksana} \end{array}}{\begin{array}{r} \text{Bilangan hari bekerja dari tarikh} \\ \text{tawaran hingga tarikh boleh laksana} \end{array}}$$

(Rujuk kepada Lampiran 1 untuk panduan bagi menentukan bilangan hari bekerja dalam setahun)

5. Pekerja Dari Malaysia Dipinjamkan Bertugas Ke Luar Negara

- 5.1 Berkaitan dengan skim saham yang ditawarkan kepada pekerja yang bekerja di Malaysia, pekerja akan dikenakan cukai di Malaysia walaupun skim dilaksanakan selepas pekerja berhenti bekerja di Malaysia.
- 5.2 Jika negara luar di mana pekerja di hantar bertugas adalah negara pejanji, peruntukan perjanjian yang berkait dengan pendapatan penggajian dan undang-undang domestik negara luar akan menentukan sama ada manfaat daripada melaksanakan skim saham akan tertakluk kepada cukai negara tersebut.

Untuk keterangan berkenaan pencukaaian pekerja yang merentas sempadan, sila rujuk Ketetapan Umum No. 1/2011 bertajuk Percukaaian Pekerja Malaysia Yang Dihantar Bertugas Di Luar Negara.
- 5.3 Jika bahagian manfaat yang dikenakan cukai di Malaysia juga dikenakan cukai di negara luar, kredit dua belah pihak boleh dibenarkan mengikut undang-undang cukai negara berkenaan jika pekerja tersebut bermastautin di negara berkenaan.
- 5.4 Jika negara luar adalah bukan negara pejanji, kredit sebelah pihak boleh dibenarkan oleh Malaysia sekiranya manfaat daripada skim saham dikenakan cukai di kedua-dua negara.

- 5.5 Ilustrasi kes di mana pekerja Malaysia ditawarkan skim saham di Malaysia dan kemudiannya dipinjamkan bertugas di negara pejanji dan negara bukan pejanji


Contoh 2

Skim saham dilaksana semasa dipinjamkan bertugas di negara pejanji (di mana pendapatan yang berkaitan dengan tugas yang dijalankan di negara pejanji dianggap diperoleh daripada Malaysia)

Johan bekerja dengan syarikat kejuruteraan di Malaysia yang menawarkan skim opsyen saham kepada semua pekerjanya pada 2.1.2005. Johan yang tinggal dan bekerja di Malaysia dipinjamkan bertugas ke Netherlands selama 6 bulan bermula dari 1.1.2006. Maklumat adalah seperti berikut:

Skim ditawarkan di Malaysia	7,500 unit pada 2.1.2005 @ RM1.50 seunit
Nilai pasaran saham	RM5.50 seunit pada 2.1.2005
Tarikh boleh laksana	2.1.2006
Nilai pasaran saham	RM6.00 seunit
Dipinjamkan ke negara PPPDK untuk berkerja selama 6 bulan	1.1.2006 hingga 30.6.2006
Tempoh boleh laksana	2.1.2006 hingga 2.1.2012
Tarikh skim dilaksana	31.3.2006
Nilai pasaran saham	RM7.50 seunit pada 31.3.2006

Situasi tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:



- (a) Setelah meneliti fakta kes, didapati pendapatan penggajian daripada tugas di luar negara adalah dianggap diperoleh dari Malaysia menurut perenggan 13(2)(c), ACP 1967.
- (b) Dalam kes ini, memandangkan skim saham ditawarkan dalam TT 2005 tetapi hanya dilaksanakan dalam TT 2006, pekerja tersebut diberi konsesi untuk memilih agar manfaat tersebut dicukai sebagai perkuisit menurut layanan cukai sebelum TT 2006 (pengiraan seperti dijelaskan dalam perenggan 6 Ketetapan Umum bertajuk Manfaat Skim Saham Pekerja).

Layanan Sebelum TT 2006

Pelaksanaan opsi pada 31.3.2006. Manfaat dicukai sebagai perkuisit dikira seperti berikut:

Formula

Bilangan saham \times (nilai pasaran saham seunit pada tarikh tawaran tolak harga ditawarkan pada tarikh tawaran)

Tahun Taksiran 2005

7,500 unit \times (RM5.50 tolak RM1.50 seunit)	RM30,000
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967	RM30,000

Layanan Berkuat Kuasa Mulai TT 2006

Pelaksanaan opsi pada 31.3.2006. Manfaat dicukai sebagai perkuisit dikira seperti berikut:

Tahun Taksiran 2006

(rujuk perenggan 4.4.5 Ketetapan ini untuk formula)

7,500 units \times (RM6.00 atau RM7.50 seunit yang mana rendah) tolak RM1.50	RM33,750
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967	RM33,750


- (c) Walaupun Malaysia mempunyai PPPDK dengan Netherlands, ini tidak menghalang Malaysia daripada mengenakan cukai ke atas pendapatan penggajian yang dianggap diperoleh dari Malaysia. Jika pekerja telah dikenakan cukai Netherlands menurut PPPDK dan undang-undang cukai domestik negara itu, kredit dua belah pihak boleh dibenarkan oleh negara mastautin.

Contoh 3

Skim saham dilaksanakan selepas selesai bertugas (dipinjamkan) di negara pejanji (di mana pendapatan yang berkaitan dengan tugas yang dijalankan di negara pejanji dianggap diperoleh daripada Malaysia)

Fakta sama seperti dalam Contoh 2 kecuali skim opsyen saham tersebut dilaksanakan pada 31.3.2009 selepas Johan selesai bertugas di syarikat di Netherlands. Nilai pasaran saham pada tarikh laksana adalah RM8.00 seunit.

Situasi tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:



- (a) Setelah meneliti fakta kes, adalah didapati pendapatan penggajian daripada tugas luar negara adalah dianggap diperoleh dari Malaysia menurut perenggan 13(2)(c), ACP 1967.
- (b) Dalam kes ini, memandangkan saham ditawarkan dalam TT 2005 tetapi hanya dilaksanakan selepas tahun taksiran 2006, pekerja diberi konsesi untuk memilih agar manfaat tersebut dicukai sebagai perkuisit menurut layanan cukai sebelum TT 2006 (pengiraan seperti dijelaskan dalam perenggan 6 Ketetapan Umum bertajuk Manfaat Saham Kepada Pekerja).

Layanan Cukai Sebelum TT 2006

Pelaksanaan opsyen pada 31.3.2009. Manfaat dicukai sebagai perkuisit dikira seperti berikut:

Formula

Bilangan saham \times (nilai pasaran saham seunit pada tarikh tawaran tolak harga ditawarkan pada tarikh tawaran)

Tahun Taksiran 2005

7,500 unit X (RM5.50 tolak RM1.50 seunit)	RM30,000
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967	RM30,000

Layanan Cukai Berkuat Kuasa Mulai TT 2006

Pelaksanaan opsyen pada 31.3.2009. Manfaat dicukai sebagai perkuisit dikira seperti berikut:

Tahun Taksiran 2009

(rujuk perenggan 4.4.5 Ketetapan ini untuk formula)

7,500 unit X (RM6.00 atau RM8.00 seunit yang mana rendah) tolak RM1.50	RM33,750
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967	RM33,750

- (c) Walaupun Malaysia mempunyai PPPDK dengan Netherlands, ini tidak menghalang Malaysia daripada mengenakan cukai ke atas pendapatan penggajian yang dianggap diperoleh dari Malaysia. Jika pekerja telah dikenakan cukai Netherlands menurut PPPDK dan undang-undang cukai domestik negara itu, kredit dua belah pihak boleh dibenarkan oleh negara mastautin.


Contoh 4

Skim saham dilaksana semasa dipinjamkan bertugas di negara pejanji (di mana pendapatan yang berkaitan dengan tugas yang dijalankan di negara pejanji tidak dianggap diperoleh daripada Malaysia)

Selva bekerja dengan syarikat minyak dan gas di Malaysia yang menawarkan skim opsyen saham kepada semua pekerja pada 2.1.2008. Selva yang tinggal dan bekerja di Malaysia telah dipinjamkan oleh majikannya di Malaysia untuk bertugas dengan syarikat subsidiari di Netherlands selama 22 bulan. Maklumat adalah seperti berikut:

Skim ditawarkan di Malaysia Nilai pasaran saham	7,500 unit pada 2.1.2008 @ RM1.50 seunit RM5.00 seunit pada 2.1.2008
Tarikh boleh laksana Nilai pasaran saham	2.1.2009 RM5.50 seunit
Dipinjamkan bertugas ke negara PPPDK	1.3.2008 hingga 31.12.2009 (22 bulan)
Tempoh boleh laksana	2.1.2009 hingga 2.1.2012
Tarikh skim dilaksana Nilai pasaran saham	30.6.2009 RM7.50 seunit pada 30.6.2009

Situasi tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:



- (a) Setelah meneliti fakta kes, adalah didapati pendapatan penggajian daripada tugas di luar negara tidak dianggap diperolehi dari Malaysia di bawah perenggan 13(2)(c), ACP 1967. Oleh itu, bahagian manfaat skim saham yang berkaitan dengan penggajian yang dijalankan di Malaysia sebelum dipinjamkan bertugas di luar negara akan dikenakan cukai di Malaysia.
- (b) Pelaksanaan skim saham pada 30.6.2009. Manfaat dicukai sebagai perkuisit dikira seperti berikut:

Tahun Taksiran 2009

(rujuk perenggan 4.4.5 Ketetapan ini untuk formula)

7,500 unit X (RM5.50 atau RM7.50 seunit yang mana rendah) tolak RM1.50	RM30,000
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967	RM30,000

Pekerja dikenakan cukai di Malaysia dari tempoh 2.1.2008 hingga 28.2.2008 (39 hari bekerja). Tempoh dari tarikh tawaran hingga ke tarikh boleh laksana adalah dari 2.1.2008 hingga 2.1.2009 (247 hari bekerja).

Bahagian manfaat yang dikenakan cukai di Malaysia adalah dikira menurut formula yang terdapat di perenggan 4.5 Ketetapan ini.

$$\text{RM30,000} \times \frac{39}{247} = \text{RM4,737}$$

Amaun manfaat yang dikenakan cukai sebagai perkuisit bagi TT 2009 adalah sebanyak RM4,737.

- (c) Tanggungan cukai pekerja di Netherlands adalah bergantung kepada PPPDK antara Malaysia dan Netherlands dan undang-undang cukai domestik di Netherlands.

Contoh 5

Skim saham dilaksana selepas selesai bertugas (dipinjamkan) di negara pejanji (di mana pendapatan yang berkaitan dengan tugas yang dijalankan di negara pejanji tidak dianggap diperolehi daripada Malaysia)

Fakta sama seperti dalam contoh 4 kecuali Selva melaksana opsyen pada 30.6.2010 selepas selesai bertugas di Netherlands. Nilai pasaran saham pada tarikh laksana adalah RM8.00 seunit.

Situasi tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:

Tinggal di Malaysia		Tinggal di Netherlands		Tinggal di Malaysia		
Bekerja di Malaysia		Bekerja di Netherlands		Bekerja di Malaysia		
2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
↓		↓		↓		
Tarikh tawaran 2.1.2008		Boleh laksana 2.1.2009		Dilaksana 30.6.2010		

- (a) Setelah meneliti fakta kes, didapati pendapatan penggajian daripada tugas di luar negara tidak dianggap diperoleh dari Malaysia menurut perenggan 13(2)(c), ACP 1967. Oleh itu, bahagian manfaat skim saham yang berkaitan dengan penggajian yang dijalankan di Malaysia sebelum dihantar bertugas di luar negara akan dikenakan cukai di Malaysia.
- (b) Pelaksanaan skim saham pada 30.6.2010. Manfaat dicukai sebagai perkuisit dikira seperti berikut:

Tahun Taksiran 2010

(rujuk perenggan 4.4.5 Ketetapan ini untuk formula)

7,500 unit X (RM5.50 atau RM8.00 seunit yang mana rendah) tolak RM1.50	RM30,000
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967	RM30,000

Pekerja dikenakan cukai di Malaysia dari tempoh 2.1.2008 hingga 28.2.2008 (39 hari bekerja). Tempoh dari tarikh tawaran hingga ke tarikh boleh laksana adalah dari 2.1.2008 hingga 2.1.2009 (247 hari bekerja).

Bahagian manfaat yang dikenakan cukai di Malaysia adalah dikira menurut formula yang terdapat di perenggan 4.5 Ketetapan ini.

$$30,000 \times \frac{39}{247} = \text{RM}4,737$$

Amaun manfaat yang dikenakan cukai sebagai perkuisit bagi TT 2010 adalah sebanyak RM4,737.

- (c) Tanggungan cukai pekerja di Netherlands adalah bergantung kepada PPPDK antara Malaysia dan Netherlands dan undang-undang cukai domestik di Netherlands.


Contoh 6

Skim saham dilaksana semasa bertugas (dipinjamkan) ke negara bukan pejanji (di mana pendapatan yang berkaitan dengan tugas yang dijalankan di negara bukan pejanji tidak dianggap diperoleh daripada Malaysia)

Ethan bekerja dengan syarikat telekomunikasi di Malaysia yang menawarkan skim saham kepada pekerja pada 2.1.2008. Ethan yang tinggal dan bekerja di Malaysia telah dihantar oleh majikannya di Malaysia untuk bertugas dengan syarikat induk di Amerika Syarikat (USA) bermula dari 1.3.2008 hingga 1.3.2009. Maklumat adalah seperti berikut:

Skim ditawarkan di Malaysia Nilai pasaran saham	7,500 unit pada 2.1.2008 @ RM2.00 seunit RM3.00 seunit pada 2.1.2008
Dipinjamkan bertugas ke negara bukan PPPDK	1.3.2008 hingga 1.3.2009
Tempoh boleh laksana	1.4.2008 hingga 1.4.2011
Tarikh boleh laksana	2,500 unit pada 1.4.2008 (Nilai pasaran @ RM2.50 seunit) 2,500 unit pada 1.4.2009 (Nilai pasaran @ RM3.50 seunit) 2,500 unit pada 1.4.2010 (Nilai pasaran @ RM4.50 seunit)
Tarikh skim dilaksana	2,500 unit pada 30.6.2008 (Nilai pasaran @ RM5.00 seunit)

Situasi tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:



Setelah meneliti fakta kes, didapati pendapatan penggajian daripada tugas di USA tidak dianggap diperoleh dari Malaysia di bawah perenggan 13(2)(c), ACP 1967.

Pengiraan manfaat yang dikenakan cukai adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2008

(rujuk perenggan 4.4.5 Ketetapan ini untuk formula)

2,500 unit X (RM2.50 atau RM5.00 seunit yang mana rendah) tolak RM2.00	RM1,250
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967	RM1,250

Bahagian Manfaat Yang Dikenakan Cukai Di Malaysia

(rujuk perenggan 4.4.5 Ketetapan ini untuk formula)

Bilangan hari bekerja dari tarikh tawaran (2.1.2008) hingga tarikh pertama boleh laksana (1.4.2008)	60
Bilangan hari bekerja di Malaysia dari tarikh tawaran (2.1.2008) hingga tarikh pertama boleh laksana (1.4.2008)	39
Manfaat yang dikenakan cukai $RM1,250 \times \frac{39}{60}$	RM812.50

- (c) Manfaat daripada skim saham adalah dikenakan cukai sebagai perkuisit di Malaysia. Memandangkan tiada PPPDK di antara Malaysia dan USA, seseorang pekerja yang dikenakan cukai atas pendapatan yang sama di kedua-dua negara menurut undang-undang cukai domestik masing-masing boleh dibenarkan kredit sebelah pihak di Malaysia.

6. Warganegara Asing Dipinjamkan Bertugas Di Malaysia

- 6.1 Apabila warganegara asing ditawarkan skim saham oleh majikan luar negara sebelum dipinjamkan bertugas ke Malaysia, adalah perlu untuk menentukan sama ada skim saham berkaitan dengan penggajian yang dijalankan di Malaysia atau di negara asal. Manfaat saham yang terakru daripada skim saham yang dilaksanakan dianggap sebagai pendapatan penggajian di mana artikel pendapatan daripada Penggajian/Artikel Perkhidmatan Persendirian Diri Tidak Bebas (biasanya Artikel 15 dalam PPPDK) terpakai.
- 6.2 Secara amnya jika tugas penggajian luar negara dijalankan di Malaysia dan pendapatan penggajian tersebut dikenakan cukai di Malaysia, manfaat daripada skim saham yang ditawarkan oleh majikan luar negara mungkin akan dikenakan cukai jika dilaksanakan semasa berada di Malaysia. Sekiranya warganegara asing yang ditawarkan skim saham oleh majikan luar negara, sebelum dipinjamkan bertugas di Malaysia hanya melaksanakan hak ke atas skim saham selepas kembali bekerja di pejabat di luar negara, cukai boleh juga dikenakan di Malaysia.
- Untuk keterangan berkenaan pencukaaian warganegara asing yang bekerja di Malaysia, sila rujuk:
- (a) Ketetapan Umum No. 8/2011 bertajuk Warganegara Asing Yang Bekerja Di Malaysia – Layanan Cukai, dan
- (b) Ketetapan Umum No. 2/2012 bertajuk Warganegara Asing Yang Bekerja Di Malaysia – Pelepasan Perjanjian Cukai.
- 6.3 Tertakluk kepada peruntukan PPPDK berkaitan, pengenaan cukai Malaysia ke atas pelaksanaan skim saham adalah terhad kepada bahagian keuntungan opsyen yang berkait dengan bilangan hari bekerja di Malaysia.
- 6.4 Jika bahagian keuntungan opsyen yang dikenakan cukai di Malaysia juga dikenakan cukai di negara PPPDK, negara pemastautin boleh membenarkan kredit dua belah pihak ke atas cukai pendapatan yang telah dibayar di negara lain.
- 6.5 Ilustrasi kes di mana warga asing yang telah diberi skim saham di luar negara dan kemudiannya dipinjamkan bertugas di Malaysia


Contoh 8

Skim saham dilaksana semasa bertugas (dipinjamkan) di Malaysia

Syarikat multinasional Singapura menawarkan skim saham kepada pekerjaanya Randy seorang jurutera pada 1.2.2008. Di bawah syarat-syarat skim saham tersebut, Randy dikehendaki untuk bekerja dengan syarikat untuk tempoh sekurang-kurangnya satu tahun termasuk tugas di luar negara. Skim saham terletakhak pada 1.2.2010. Pada 1.1.2010, Randy dipinjamkan bertugas di loji kuasa bebas di Malaysia selama 8 bulan. Maklumat skim saham yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Skim ditawarkan di Singapura	10,000 unit pada 1.2.2009 @ SGD1.00 seunit
Nilai pasaran saham	SGD3.00 seunit pada 1.2.2009
Dipinjamkan bertugas di Malaysia, negara PPPDK	1.1.2010 hingga 31.8.2010 (8 bulan)
Tempoh boleh laksana	Dari 1.2.2010 hingga 30.6.2013
Tarikh boleh laksana Nilai pasaran saham	10,000 unit pada 1.2.2010 SGD8.00 seunit
Tarikh skim dilaksana Nilai pasaran saham	30.6.2010 SGD6.00 seunit

Situasi tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:



- (a) Semua fakta kes telah diteliti dan didapati semua syarat di Artikel Pendapatan daripada Penggajian dalam PPPDK antara Singapura dan Malaysia telah dipenuhi. Randy dikenakan cukai di Malaysia.
- (b) Memandangkan Randy melaksanakan skim saham semasa beliau dipinjamkan bertugas di Malaysia, manfaat yang dikenakan cukai sebagai perkuisit adalah dikira seperti berikut:

Tahun Taksiran 2010

(rujuk perenggan 4.4.5 Ketetapan ini untuk formula)

10,000 unit X (SGD8.00 atau SGD6.00 seunit yang mana rendah) tolak SGD1.00	SGD50,000
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP1967	SGD50,000

Bahagian Manfaat Yang Dikenakan Cukai Di Malaysia

(rujuk perenggan 4.5 Ketetapan ini untuk formula)


Bilangan hari bekerja dari tarikh tawaran (1.2.2009) hingga tarikh boleh laksana (1.2.2010)	249
Bilangan hari bekerja di Malaysia dari tarikh mula penggajian (1.1.2010) hingga tarikh pemberhentian (31.8.2010)	166
Bilangan hari bekerja di Malaysia dari tarikh mula penggajian hingga tarikh boleh laksana (1.1.2010 hingga 1.2.2010)	20
Bilangan hari bekerja di Malaysia dari tarikh mula penggajian (1.1.2010) hingga tarikh opsyen dilaksana (30.6.2010)	123
Manfaat yang dikenakan cukai adalah $SGD50,000 \times \frac{20}{249}$	SGD4,016
Pertukaran wang asing SGD1 @ RM2.3863	RM9,583

Contoh 9

Skim saham dilaksana selepas selesai bertugas (dipinjamkan) di Malaysia

Fakta adalah sama seperti di contoh 8 kecuali Randy melaksanakan hak ke atas skim saham di Singapura pada 30.9.2010 iaitu selepas selesai bertugas di Malaysia. Nilai pasaran saham pada 30.9.2010 adalah SGD6.00 seunit.

Situasi tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:



- (a) Semua fakta kes telah diteliti dan didapati semua syarat di Artikel Pendapatan daripada Penggajian dalam PPPDK antara Singapura dan Malaysia telah dipenuhi. Randy dikenakan cukai di Malaysia.
- (b) Memandangkan Randy melaksanakan hak ke atas skim saham setelah balik ke Singapura selepas selesai tugas di Malaysia, manfaat yang dikenakan cukai sebagai perkuisit adalah dikira seperti berikut:

Tahun Taksiran 2010

(rujuk perenggan 4.4.5 Ketetapan ini untuk formula)

10,000 unit X (SGD8.00 atau SGD6.00 seunit yang mana rendah) tolak SGD1.00	SGD50,000
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967	SGD50,000

Bahagian Yang dikenakan Cukai Di Malaysia

(rujuk perenggan 4.5 Ketetapan ini untuk formula)

Bilangan hari bekerja dari tarikh tawaran (1.2.2009) hingga tarikh boleh laksana (1.2.2010)	249
Bilangan hari bekerja di Malaysia dari tarikh mula penggajian (1.1.2010) hingga tarikh boleh laksana (1.2.2010)	20
Manfaat yang dikenakan cukai adalah $SGD50,000 \times \frac{20}{249}$	SGD4,016
Pertukaran wang asing SGD1 @RM2.3863	RM9,583


Contoh 10

Skim saham dilaksana semasa bertugas di Malaysia

Clarence adalah pemastautin USA dan bekerja dengan syarikat multinasional. Clarence ditawarkan skim saham oleh syarikat pada 30.4.2008. Skim adalah bersyarat yang memerlukan beliau kekal bekerja untuk tempoh 2 tahun di mana pada akhir tahun tersebut saham akan terletak hak. Pada 1.6.2009, Clarence dipindahkan ke Malaysia di mana beliau bekerja sehingga 31.5.2010. Maklumat skim saham adalah seperti berikut:

Tarikh skim saham ditawarkan di USA	30.4.2008
Bilangan saham yang ditawarkan	10,000 unit
Harga tawaran	USD2.00
Tarikh boleh laksana	30.4.2010
Nilai pasaran saham	USD8.00 seunit
Tarikh dilaksana	30.4.2010
Nilai pasaran saham	USD8.00 seunit
Bilangan unit dilaksana	10,000

Situasi tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:



- (a) Clarence bekerja di Malaysia selama lebih daripada 60 hari. Memandangkan tiada PPPDK antara Malaysia dan USA, undang-undang cukai domestik Malaysia terpakai. Pendapatan yang diperoleh daripada penggajian yang dijalankan oleh Clarence di Malaysia adalah dikenakan cukai di Malaysia.
- (b) Pengiraan manfaat yang dikenakan cukai sebagai perkuisit adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2010

(rujuk perenggan 4.4.5 Ketetapan ini untuk formula)

10,000 unit X (USD8.00 seunit tolak USD2.00)	USD60,000
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967	USD60,000

Bahagian Manfaat Yang dikenakan Cukai Di Malaysia

(rujuk perenggan 4.5 Ketetapan ini untuk formula)

Bilangan hari bekerja dari tarikh tawaran (30.4.2008) hingga tarikh boleh laksana (30.4.2010)	495
Bilangan hari bekerja di Malaysia dari tarikh mula pengajian (1.6.2009) hingga tarikh boleh laksana / dilaksanakan (30.4.2010)	228
Manfaat yang dikenakan cukai $USD60,000 \times \frac{228}{495}$	USD27,636
Pertukaran wang asing USD1 @ 3.2546	RM89,944


Contoh 11

Skim saham dilaksana selepas bertugas (dipinjamkan) di Malaysia

Fakta adalah sama seperti di contoh 10 kecuali pada 1.6.2009 pekerja dipindahkan ke Malaysia dan bekerja sehingga 30.9.2009. Beliau kembali ke USA untuk bekerja pada 1.10.2009. Maklumat skim saham adalah seperti berikut:

Tarikh skim ditawarkan di USA	30.4.2008
Bilangan saham yang ditawarkan	10,000 unit
Harga tawaran	USD2.00
Tarikh boleh laksana	30.4.2010
Nilai pasaran saham	USD8.00 seunit
Tarikh dilaksana	30.4.2010
Nilai pasaran saham	USD8.00 seunit
Bilangan saham dilaksana	10,000 unit

Situasi tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:



- (a) Clarence bekerja di Malaysia selama lebih daripada 60 hari. Memandangkan tiada PPPDK antara Malaysia dan USA, undang-undang cukai domestik Malaysia diguna pakai. Pendapatan yang diperoleh daripada penggajian yang dilaksanakan di Malaysia dikenakan cukai di Malaysia.
- (b) Memandangkan Clarence melaksanakan opsiyen skim saham tersebut apabila beliau pulang ke USA iaitu selepas menyelesaikan tugas di Malaysia, pengiraan manfaat yang dikenakan cukai sebagai perkuisit adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2010

(rujuk perenggan 4.4.5 Ketetapan ini untuk formula)

10,000 unit X (USD8.00 seunit tolak USD2.00)	USD60,000
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967	USD60,000

Bahagian Manfaat Yang dikenakan Cukai Di Malaysia

(rujuk perenggan 4.5 Ketetapan ini untuk formula)

Bilangan hari bekerja dari tarikh tawaran (30.4.2008) hingga tarikh boleh laksana (30.4.2010)	495
Bilangan hari bekerja di Malaysia (1.6.2009 hingga 30.9.2009)	85
Manfaat yang dikenakan cukai $USD60,000 \times \frac{85}{495}$	USD10,303
Pertukaran wang asing USD1 @ 3.2546	RM33,532

7. Pengecualian Daripada Cukai Pendapatan Malaysia

Cukai pendapatan tidak akan dikenakan ke atas manfaat yang terbit daripada skim saham dalam keadaan berikut:

- Skim ditawarkan kepada bukan pemastautin yang pendapatan penggajiannya tidak dikenakan cukai di Malaysia kerana menjalankan penggajian di Malaysia untuk tempoh kurang daripada 60 hari, atau
- Skim ditawarkan kepada individu yang di bawah PPPDK, dikecualikan daripada cukai Malaysia ke atas pendapatan penggajian untuk tahun di mana keuntungan daripada skim saham timbul.

8. Tanggungjawab Pekerja (Kes Merentas Sempadan)

Selaras dengan Sistem Taksir Sendiri, adalah menjadi tanggungjawab pekerja untuk menyimpan rekod bilangan hari berada secara fizikal di Malaysia untuk menentukan amaun pendapatan yang dikenakan cukai di Malaysia. Skim saham yang ditawarkan sebelum pekerja asing bertugas di Malaysia juga perlu direkodkan. Pekerja dikehendaki mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan dan membayar cukai berkaitan dengan manfaat daripada skim saham.

9. Tanggungjawab Majikan (Kes Merentas Sempadan)

9.1 Majikan Malaysia hendaklah -

- menyimpan rekod semua pekerja (termasuk pekerja bukan pemastautin dan asing) yang bekerja di Malaysia dalam suatu tahun dan yang telah melaksanakan opsyen saham sama ada di Malaysia atau di luar negara, dan



-
- (b) menyimpan rekod bilangan hari pekerja berada secara fizikal di Malaysia.
- 9.2 Majikan adalah dikehendaki untuk mematuhi peruntukan seksyen 82A, ACP 1967 berkaitan dengan tanggungjawab menyimpan rekod untuk tujuan audit.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

Lampiran 1

Lampiran ini memberi panduan untuk penentuan bilangan hari bekerja dalam bulan dan tahun kalendar. Majikan dikehendaki mengira bilangan hari bekerja dalam bulan atau tahun kalendar (yang mana terpakai) untuk negeri dan tahun berkenaan (bila mana perlu).

Bilangan hari bekerja di Wilayah Persekutuan

Bulan/Tahun	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Januari	22	19	20	18	21	21	19	20	20	19
Februari	17	18	17	18	17	18	18	15	16	19
Mac	20	23	23	23	22	20	21	23	23	22
April	22	22	20	19	21	22	22	22	21	21
Mei	19	19	22	21	22	20	20	21	20	22
Jun	21	22	22	22	21	21	22	22	22	21
Julai	23	22	21	21	22	23	23	22	21	22
Ogos	21	21	22	22	22	21	20	21	21	20
September	22	22	22	21	20	21	20	21	20	20
Oktober	22	21	21	20	22	20	22	21	20	22
November	18	19	19	22	21	20	20	20	20	20
Disember	22	23	21	20	19	20	21	20	21	20
Jumlah	249	251	250	247	250	247	248	248	245	248

Bilangan hari tidak bekerja di Wilayah Persekutuan (Sabtu, Ahad dan Cuti Am di Wilayah Persekutuan)

Bulan/Tahun	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Januari	9	12	11	13	10 ¹	10	12	11	11	12
Februari	11	11	11	10	11	11	10	13	12	10
Mac	11	8	8	8	9	11	10	8	8	9
April	8	8	10	11	9	8	8	8	9	9
Mei	12	12	9	10	9	11	11	10	11	9
Jun	9	8	8	8	9	9	8	8	8	9
Julai	8	9	10	10	9	8	8	9	10	9
Ogos	10	10	9	9	9	10	11	10	10	11
September	8	8	8	9	10	9	10	9	10	10
Oktober	9	10	10	11	9	11	9	10	11	9
November	12	11	11	8	9	10	10	10	10	10
December	9	8	10	11	12	11	10	9	10	11
Jumlah	116	115	115	118	115	119	117	115	120	118

¹31.12.2006 Ahad – Hari Raya Haji, 01.01.2007 (Isnin) – Cuti Am 02.01.2007 menggantikan 31.12.2006.